



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْاَهْوَالِ اِلَاٰمَةِ اِسْلَامِ نِیْرِی سَابَاہِ

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA 1446H/2025M

**“PENGORBANAN: TIADA KEJAYAAN SEMANIS MADU TANPA
PENGORBANAN SEPAHIT HEMPEDU”**

Disediakan oleh:

Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA HARI RAYA AIDILADHA

“PENGORBANAN: TIADA KEJAYAAN SEMANIS MADU TANPA PENGORBANAN SEPAHIT HEMPEDU”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ * اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ * وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْزَرْ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ

JEMAAH AIDILADHA TETAMU ALLAH YANG SAYA MULIAKAN!

Pada pagi yang mulia ini, kita berhimpun untuk meraikan Aidiladha, perayaan yang penuh makna dan hikmah. Doa dan harapan kita agar hari ini yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji menjadi obor yang menyemarakkan lagi semangat kita untuk terus meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Bertakwa kepada Allah dalam erti kata memelihara diri dari sesuatu yang membawa kepada seksa dan kemurkaan Allah SWT.

Sesungguhnya sifat takwa menjadi faktor utama amal dan ibadat kita diterima Allah SWT. Ini termasuklah ibadah korban menyembelih haiwan ternakan yang akan dilangsungkan seusai perhimpunan kita ini selaras firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 37:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤَهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ لَتَفَقْوَى مِنْكُمْ ...

Yang bermaksud: *“Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu...”*

Penegasan Allah SWT ini turut mengisyaratkan bahawa umat Islam sangat dianjurkan untuk melaksanakan ibadah korban pada hari ini dan pada tiga hari tasyrik berikutnya dengan menyembelih haiwan ternakan seperti kambing, lembu, kerbau dan unta. Anjuran ini selaras dengan inti pati surah al-Kauthar, ayat 1-3 yang terkandung pada pendahuluan khutbah ini **yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). Sesungguhnya yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingini).”*

Hukum menyembelih binatang korban adalah sunat muakkad yakni sunat yang sangat dituntut ke atas umat Islam yang berkemampuan melaksanakannya. Menyentuh perihal ibadah korban ini, Nabi SAW menjelaskan melalui sabdanya yang **bermaksud:** *“Tidaklah salah seorang anak Adam beramal pada Hari Nahar (Aidiladha) dengan sebuah amalan yang lebih dicintai oleh Allah SWT daripada mengalirkan darah (menyembelih binatang korban), dan sesungguhnya (binatang sembelihan) akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya, kukunya, dan bulu-bulunya. Dan sesungguhnya darah korban tersebut sampai kepada Allah, sebelum mengalir ke tanah.”* (HR Ibnu Majah dan at-Tirmizi)

Justeru, bersempena Aidiladha yang kita raikan hari ini, khatib ingin menyampaikan khutbah yang bertajuk : **“Pengorbanan: Tiada Kejayaan Semanis Madu Tanpa Pengorbanan Sepahit Hempedu”**.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

KAUM MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Aidiladha atau Hari Raya Korban, merupakan salah satu perayaan yang sangat signifikan dan besar ertinya dalam taqwim umat Islam. Ia bukan sahaja merujuk kepada fardu haji yang merupakan rukun Islam kelima yang dikerjakan pada bulan Zulhijjah yang mulia ini, malahan ia juga mengingatkan kita tentang pengorbanan, kesabaran, dan keikhlasan dalam mentaati dan mematuhi perintah Allah SWT sepertimana yang telah diteladankan oleh pengorbanan Nabi Ibrahim AS. dan puteranya, Ismail AS.

Ternyata kisah pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS dan puteranya, Ismail AS mengajar kita bahawa betapa besar pengorbanan yang perlu dilakukan demi mencapai keredaan Allah SWT. Pengorbanan bukan hanya terbatas kepada pengorbanan material atau jasmani, tetapi ia juga merangkumi pengorbanan jiwa dan raga untuk mencapai kejayaan yang diredai oleh Allah dengan penuh kesabaran. Pengorbanan ini adalah simbol ketundukan kepada perintah Allah dan pengharapan kepada ganjaran-Nya. Pendek kata, pengorbanan adalah asas kepada kejayaan dalam segala aspek.

Kenyataan ini memberi gambaran bahawa semangat pengorbanan yang dilakukan oleh kedua-dua insan mulia berkenaan begitu relevan untuk dijadikan ibrah dalam berbagai aspek kehidupan umat Islam dalam era serba mencabar mutakhir ini. Dalam kita memburu atau mencipta kejayaan, kita perlu membuat pengorbanan. Sama ada dalam bentuk masa, tenaga, atau sumber daya lain. Sesuatu kejayaan memerlukan kesediaan untuk berkorban demi mencapai matlamat yang lebih besar dan bermakna.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

HADIRIN TETAMU ALLAH YANG SAYA MULIAKAN!

Aidiladha memberi kita pelbagai pengajaran tentang pentingnya semangat berkorban untuk mencapai kejayaan, baik dalam kehidupan peribadi mahupun dalam konteks kemajuan masyarakat dan negara. Tambahan pula, kejayaan adalah impian setiap orang yang berakal, namun tidak semua orang menyedari bahawa di sebalik kejayaan yang manis dan membanggakan, terdapat usaha, perjuangan, dan pengorbanan yang mungkin terasa sangat pahit. Hakikat ini terungkap

dalam bidalan Melayu yang berbunyi ***"Tiada kejayaan semanis madu tanpa pengorbanan sepahit hempedu"***.

Rangkai kata "semanis madu" merujuk kepada kejayaan atau hasil yang manis, yang menyenangkan dan menggembirakan hati. Manakala rangkai kata **"sepahit hempedu"** pula merujuk kepada kesulitan, penderitaan, atau cabaran yang terpaksa dihadapi dalam mencapai sesuatu.

Justeru, bidalan Melayu klasik ini mengingatkan kita bahawa untuk meraih kejayaan yang diinginkan, memuaskan dan membanggakan, kita harus melakukan pengorbanan dan usaha yang mungkin penuh dengan kesukaran dan rasa pahit. Kejayaan yang dicapai dengan mudah atau tanpa cabaran mungkin tidak memberi kepuasan yang sebenar dan bermakna. Ini mengisyaratkan bahawa dalam hidup, tiada yang mudah. Setiap impian dan cita-cita menuntut usaha gigih dan kesabaran dengan ditunjangi semangat pengorbanan yang tinggi.

Sebagai contoh, kejayaan Nabi Muhammad SAW dalam misi menyampaikan serta menyebarkan risalah Islam. Ianya bertitik-tolak dengan menjunjung titah perintah Allah SWT. Segala bentuk halangan yang menghambat usaha dakwah Baginda sama ada berupa cercaan, makian, dipulaukan mahupun ancaman bunuh, tidak sedikitpun melunturkan semangat Baginda untuk melaksanakan misi yang diamanahkan. Malah, Nabi SAW rela berkorban meninggalkan tanah tumpah darahnya, Makkah al-Mukarramah untuk berhijrah ke Madinah al-Munawwarah demi meneruskan perjuangan dakwah Islam. Hasilnya, kita selaku umat Baginda sehingga kini terus mengecapi nikmat Islam dan iman.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDILADHA YANG DIKASIHI

Pengorbanan juga tidak hanya terhad kepada perkara besar sahaja. Seorang ibu yang bekerja keras untuk membesarkan anak-anak, seorang pekerja yang mengorbankan waktu cutinya untuk menyelesaikan tugas, atau seorang pelajar yang mengorbankan masa untuk bersenang-senang demi fokus kepada pelajaran, semuanya adalah contoh pengorbanan yang penting dalam mencapai matlamat hidup.

Setiap pengorbanan walaupun nampak kecil namun menyumbang kepada pencapaian matlamat yang lebih besar dalam hidup masing-masing.

Tegasnya, pengorbanan dan kesulitan sepanjang perjalanan menuju kejayaan bukanlah perkara yang sia-sia. Setiap cabaran yang ditempuhi memberikan kita pengalaman yang berharga. Kesulitan yang dihadapi mengajar kita untuk menjadi lebih cekap, matang, kreatif, inovatif dan lebih tahan lasak. Dalam proses ini, kita belajar untuk mengatasi kegagalan, membina ketabahan, dan menerima kenyataan bahawa kejayaan yang sebenar memerlukan usaha yang tidak kenal lelah. Semua cabaran ini adalah ujian yang membantu membentuk kekuatan mental, ketabahan, dan kesabaran kita dalam mengejar cita-cita dan kejayaan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDILADHA YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Menyimpul khutbah Aidiladha ini, khatib ingin menegaskan bahawa sesungguhnya Aidiladha adalah perayaan yang penuh dengan pengajaran tentang pengorbanan. Ia mengingatkan kita bahawa untuk mencapai kejayaan, kita perlu mempunyai semangat berkorban baik untuk diri sendiri, untuk keluarga, masyarakat mahupun negara. Pengorbanan ini bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi ia adalah kunci untuk mencapai kejayaan yang sebenar dan berkekalan.

Jadi, **"Tiada kejayaan semanis madu tanpa pengorbanan sepahit hempedu"** bukanlah sekadar sebuah bidalan biasa, tetapi satu peringatan bahawa tiada yang datang dengan mudah dalam kehidupan ini. Jika kita ingin mencapai kejayaan yang benar-benar bermakna, kita perlu menerima kenyataan bahawa segala sesuatu yang baik memerlukan usaha yang keras dan pengorbanan yang tidak sedikit. Dengan itu, kita akan lebih menghargai setiap kejayaan yang dicapai, dan lebih bersyukur dengan nikmat yang kita terima kerana lazimnya setiap kesukaran akan diiringi kemudahan atau kejayaan selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Insyiraah, ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ

Yang bermaksud: “Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA HARI RAYA AIDILADHA
TAHUN 1446H/2025M

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَزُخْرِنَا وَقُدُّوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَجَاهَدَ
بِجِهَادِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

فَقَالَ تَعَالَى فِي كِتَابِ الْعَظِيمِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالدِّينَا وَعَنْ جَمِيعِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا،
وَيَقِينًا صَادِقًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَعَمَلًا صَالِحًا مُتَقَبَّلًا.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ بَلِيَّةٍ، وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغِنَى عَنِ النَّاسِ. اللَّهُمَّ حَبِّبْ
إِلَيْنَا الْإِيمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرِهْ إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنَا
مِنَ الرَّاشِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. وَأَذِلَّ الشَّرَّكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالتَّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ مَلِكَنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَها مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانْ أَكُوغْ
وَفَخَامَةَ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَقْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه وَأَيْمَتْنَا وَوَلَاتْ أُمُورِنَا،
وَاجْعَلْ وَلَايَتْنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka. Kurniakanlah kejayaan, kemerdekaan dan pembebasan diri daripada kezaliman yang berlaku.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan

zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Berikanlah ketabahan, kecekalan, keyakinan dan perlindungan kepada anggota pasukan keselamatan semasa menjalankan tugas. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

"تقبل الله منا ومنكم"

SELAMAT MENYAMBUT AIDILADHA TAHUN 1446H/ 2025M
DARI KAMI KAKITANGAN JHEAINS SELURUH SABAH